



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	7/1/2020	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	KATS / SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Pelarasan tarif air patut tak cetus masalah: AWER

Kerajaan perlu teruskan Proses Penetapan Tarif Secara Telus

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu meneruskan pelaksanaan 'Proses Penetapan Tarif Secara Telus' yang dipersetujui digunakan pada 2009 sebelum mengambil keputusan menaikkan tarif air.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piapakaran, berkata melalui sistem itu, tarif air akan diselaraskan setiap tiga tahun sebagai permulaan mencapai kecapan perkhidmatan tinggi.

Katanya, melalui sistem itu, setiap syarikat air perlu mengemukakan cadangan pelarasan tarif dalam tempoh ditetapkan untuk tujuan audit dan perundingan awam oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

"Jika tarif baharu dituluskan, ia akan diwarita bagi tujuan pelaksanaan dan syarikat air yang terlepas tempoh pelarasan ini, perlu menunggu tiga tahun lagi untuk pelarasan tarif," katanya

ketika dihubungi *BH* semalam.

Kelmarin, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar meminta mana-mana kerajaan negeri yang enggan melaksanakan kenaikan tarif air perlu menyediakan mekanisme bersesuaian, termasuk membuktikan mereka tidak akan berdepan krisis air pada masa depan.


Katanya, kementeriaannya sentiasa sedia berbincang dengan negeri yang berkaitan bagi mengelak berlakunya krisis air.

Piapakakaran berkata, 'Proses Penetapan Tarif Secara Telus' tidak dilaksanakan sehingga kini sedangkan ia lebih telus dan sukar dipertikaikan pengguna kerana semua maklumat berkaitan kos air didedahkan untuk memastikan setiap pengguna memahami isu kos berkaitan tarif air.

Katanya, mengikut model itu, pelarasan tarif tidak akan menghadapi masalah, malah tidak membebankan pengguna kerana ada tarif mungkin naik atau kekal.

"Dalam konteks pelarasan air ini sebenarnya tidak ada masalah, yang penting ketelusan, sebab diletak penanda aras, contohnya penanda aras bagi air yang keruh dari loji.

"Masalahnya, SPAN enggan mengikut model ini kerana perlu



SPAN enggan mengikut model

'Proses Penetapan Tarif Secara Telus' kerana perlu buat banyak kerja, mereka patut keluarkan nota baharu dan dari mana datang kos tambahan.

**S Piapakaran,
Presiden AWER**

buat banyak kerja, mereka patut keluarkan nota ringkas, apakah tarif baharu dan dari mana datang kos tambahan, perkara ini patut dibuat sejak 2009 lagi, tetapi

selepas 10 tahun masih tidak dilaksanakan," katanya

Ditanya kenyataan Dr Xavier yang meminta negeri enggan menaikkan tarif menyedikan bukti tidak berdepan krisis air pada masa depan, beliau berkata, perkara itu tidak perlu kerana semua maklumat berkenaan sudah ada dalam pelan perniagaan industri air milik syarikat bekalan air di negeri masing-masing.

Katanya, pelan perniagaan 30 tahun industri air itu sudah dikemukakan syarikat air kepada SPAN termasuk bukti mengenai krisis bekalan air.

"Dalam pelan itu dinyatakan dengan jelas kos berkaitan operasi syarikat, kos penyelenggaraan termasuk pejan menukar paip lama kepada baharu setiap sembilan tahun, kos elektrik dan modal insan serta jangkakan untuk menampung perkhidmatan pengguna berdasarkan penggunaan semasa. Jadi, perkara itu boleh dirujuk kepada pelan ini," katanya.

Beliau berkata, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 hanya terpakai bagi Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Justeru, katanya, kenaikan kadar tarif yang dicadangkan untuk seluruh negara adalah tidak terpakai.